

Pencemaran Sungai Kinabatangan

Kosmo m/s 21 4/10/07

Operasi kilang sawit mendatangkan kesan kepada kualiti air di Sungai Kinabatangan dan pencemaran berpunca daripada baja kimia, racun serangga serta racun rumpai.

Oleh HASLIN GAFFOR

“**D**ENGAN rezeki dari sungai inilah, saya menyara hidup dan membesarkan anak-anak tetapi kini semuanya telah berubah. Hasil tangkapan udang dan ikan semakin berkurangan,” keluh Singgong Musa, seorang nelayan yang terjejas mata pencariannya akibat pencemaran di Sungai Kinabatangan.

Sungai sepanjang 560 kilometer ini merupakan sungai kedua terpanjang di Malaysia dan terpenting di Sabah kerana peranannya sebagai kawasan tadahan air dan satu kaedah perhubungan penting bagi penduduk di beberapa kampung di daerah Kinabatangan.

Sungai ini juga merupakan aset penting bagi aktiviti pelancongan yang seterusnya menjana ekonomi penduduk setempat.

Namun kini, gara-gara mengejar keuntungan khazanah alam paling berharga ini menjadi mangsa. Aktiviti perladangan kelapa sawit secara besar-besaran di kedua-dua belah tebing sungai menyumbang kepada angkara ini.

Singgong, 70, penduduk di Kampung Sukau yang mencari rezeki di sungai itu sejak zaman muda lagi merupakan antara mereka yang merasai kesan pencemaran ini.

“Hasil tangkapan semakin berkurangan. Kalau dulu, kami mampu menangkap 15 hingga 20 kilogram (kg) udang dan ikan sehari dan pendapatan diperoleh lebih RM1,000 setiap bulan tetapi kini hasil tangkapan hanya 5 kg sahaja.

“Dengan hasil tangkapan ini, sudah tentu tidak cukup untuk menampung kos membeli minyak enjin bot dan membaiki bubu yang rosak,” kata Singgong dalam



DATUK Masidi Manjun (dua dari kanan) melihat sisa pelupusan sebuah kilang kelapa sawit yang dibuang ke dalam Sungai Kinabatangan.

bermakanan dan menjalankan aktiviti kehidupan harian mereka.

Beliau juga mahu jabatan dan agensi penguat kuasa yang berkaitan meningkatkan usaha menangani pencemaran di sungai itu sebelum masalah pencemaran bertambah teruk.

Dalam pada itu, pencemaran di Sungai Kinabatangan ini mendapat perhatian Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Sabah, Datuk Masidi Manjun yang turun padang untuk meninjau sendiri keadaan baru-baru ini.

Hasil lawatan itu, Masidi mengarahkan semua pemilik kilang kelapa sawit di Kinabatangan segera mencari kaedah lain untuk menghentikan pelupusan sisa kilang kelapa sawit di sungai.

Masidi berkata, beliau faham pelaksanaan kaedah lain sebagai ganti memerlukan kos yang tinggi dan mengambil masa, tetapi tetap mahu semua kilang terlibat segera mengambil inisiatif melaksanakannya dan tidak terlalu memikirkan keuntungan.

Masidi turut mengulangi ketegasan kerajaan negeri untuk menangani isu pencemaran yang dilakukan oleh pengilang dan ladang kelapa sawit terhadap Sungai Kinabatangan dan berjanji akan mengadakan lawatan mengejut.

Selain itu, pencemaran di Sungai Kinabatangan tidak hanya disumbangkan oleh aktiviti perladangan, malah tindakan pengambilan pasir secara haram juga menjejaskan ekosistem sungai ini.

Pada masa ini, masih berlaku kegiatan pengambilan pasir dipercayai dilakukan di hulu Sungai Kinabatangan dan hanya disedari apabila penduduk Kampung Sukau melihat sebuah tongkang mengangkut muatan pasir melalui perkampungan me-

bubu yang rosak," kata Singgong dalam nada kecewa.

Semua nelayan di Kampung Sukau mempraktikkan penggunaan bubu yang diperbuat daripada dawai dan tidak lagi menggunakan bubu yang diperbuat daripada buluh untuk mengurangkan aktiviti penebangan hutan di kampung mereka.

Ini menunjukkan penduduk kampung itu sedar mengenai kepentingan pemuliharaan hutan dan alam sekitar, tetapi tidak bagi pihak industri perladangan kelapa sawit yang melupuskan sisa kilang ke Sungai Kinabatangan.

Daerah Kinabatangan mewakili keluasan 660,500 hektar dan lebih separuh daripadanya adalah ladang kelapa sawit iaitu seluas 345,000 hektar dengan hasil kira-kira RM2 bilion setahun.

Terdapat 32 kilang kelapa sawit beroperasi di daerah itu dan semua kilang ini melupuskan sisa kilang ke Sungai Kinabatangan selepas dirawat seperti yang disyaratkan oleh Jabatan Alam Sekitar.

Malangnya ada antara kilang-kilang ini termasuk milik persendirian yang merawat sisa kilang tetapi tidak mengikut piawaian yang ditetapkan. Keadaan di-

burukkan lagi apabila ada syarikat perladangan ini dan pemilik ladang persendirian yang menanam pokok kelapa sawit terlalu dekat dengan tebing sungai tanpa mengendahkan peraturan yang melarang perbuatan seperti itu di tanah rizab sungai.

Ini menyebabkan sisa baja kimia mengalir ke Sungai Kinabatangan ketika hujan dan banjir besar berlaku.

Pengurus Projek Koridor Kehidupan Kinabatangan WWF-Malaysia Darrel Webber berkata, terdapat 30 kilang kelapa sawit beroperasi di sekitar kawasan tadahan di Kinabatangan yang mewakili 23 peratus daripada kawasan tadahan air di Sabah serta menjadi pembekal utama air ke Sandakan.

Beliau berkata, operasi kilang-kilang ini mendatangkan kesan kepada kualiti air di Sungai Kinabatangan dan ditambah pula pencemaran yang disebabkan oleh baja kimia, racun serangga serta racun rumpai dari ladang kelapa sawit.

Ini bukan sahaja mendatangkan kesan kepada Sungai Kinabatangan malah kepada laut kerana air sungai itu mengalir keluar ke Laut Sulu, yang menempatkan

Pusat Global Biodiversiti Marin dan kawasan Segi tiga Terumbu Karang.

Beliau berkata, dianggarkan 237,728 tan baja kimia digunakan setiap tahun di kawasan tanaman kelapa sawit seluas 190,000 hektar di sepanjang sungai ini.

"Tidak semua baja ini diserap oleh pokok kelapa sawit. Bayangkan jika 10 peratus baja ini tidak diserap yang bermakna 23,773 tan sisa baja mengalir ke Sungai Kinabatangan setiap tahun," tambahnya.

Darrel berkata, atas sebab itulah pihak peladang kelapa sawit perlu mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan berkaitan pelupusan sisa kilang kelapa sawit dan tidak menanam pokok kelapa sawit hingga ke kawasan rizab sungai.

Kenyataan Darrel dipersetujui Presiden Persatuan Perlindungan Alam Sekitar Sabah, Datuk Sue Jayasuria yang mahu pihak industri kelapa sawit segera menghentikan perbuatan mencemarkan Sungai Kinabatangan.

Kesan pencemaran kini sudah menjejaskan kehidupan penduduk kampung yang banyak bergantung kepada Sungai Kinabatangan untuk mencari rezeki, sum-

kau meninat sebuah tongkang mengangkut muatan pasir melalui perkampungan mereka sejak beberapa bulan lalu.

Tahun lalu, kegiatan yang sama turut berlaku tetapi dihentikan selepas kegiatan itu dibongkar oleh media dan mendapat perhatian kerajaan negeri. Kegiatan pengambilan pasir di sungai ini mengganggu ekosistem Sungai Kinabatangan yang menyebabkan warna air semakin keruh dan turut menyebabkan runtuh tebing sungai yang merosakkan bubu nelayan.

Biarpun begitu, penguatkuasaan oleh jabatan dan agensi yang dipertanggungjawabkan perlu dipertingkatkan untuk menangani pencemaran di sungai ini.

Masalah kekurangan kakitangan dan logistik sering menjadi alasan dalam tugas penguatkuasaan, selain masalah peraturan yang tidak jelas daripada segi peranan sesebuah agensi atau jabatan dalam menguatkuasakan undang-undang.

Sudah sampai masanya penguatkuasaan lebih ketat dilaksanakan dalam menangani isu pencemaran sebelum ekosistem Sungai Kinabatangan terjejas teruk dan begitu juga kehidupan penduduk kampung yang tinggal di sekitarnya.

- Bernama